

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN/BERTULIS

DARIPADA : DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI]

SOALAN NO. 320

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan berapa peratusan Usahawan Mikro dari bandar dan luar bandar yang terlibat dalam bidang ekonomi digital dan apakah langkah Kementerian untuk memastikan mereka tidak terpicir dari arus ekonomi digital.

JAWAPAN

1. Antara matlamat utama Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) adalah untuk menerajui semua usaha pembangunan keusahawanan secara bersepadu dan terancang bagi menyokong agenda pembangunan ekonomi negara. Ini termasuklah menggalakkan Usahawan Mikro sama ada di bandar dan di luar bandar untuk mempromosi dan menjual produk dan perkhidmatan mereka melalui e-dagang.
2. MED berhasrat untuk meningkatkan sumbangan daripada PKS dan Usahawan Mikro kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui ekonomi digital agar kumpulan ini mempunyai akses kepada pasaran yang lebih luas meskipun mereka berada di kawasan luar bandar.
3. Melalui SME Corp. Malaysia, beberapa inisiatif sedia ada telah dilaksanakan untuk mempersiapkan PKS Mikro ke arah era ekonomi digital. Di antaranya ialah:
 - (i) Pelaksanaan projek *Digital Free Trade Zone (DFTZ)* dengan kerjasama syarikat Alibaba, MDEC, MATRADE dan MITI bagi membantu mempromosikan pertumbuhan e-dagang PKS.

- (ii) Program *Women Netpreneur* yang dilaksanakan dengan kerjasama *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC), *Gorgeous Geeks* (badan NGO) dan enam (6) penyedia platform e-dagang iaitu *Shopee, 11Street, Lelong, Facebook, Buy Malaysia (MPay)* dan *Global Halal Data Pool*. Siri latihan digital komprehensif ini merangkumi pengenalan kepada teknologi dan platform e-dagang yang terdapat di pasaran, latihan praktikal bagi penyediaan platform e-dagang dan teknik menjual secara atas talian.

- (i) Kerjasama dengan *Microsoft Malaysia* dalam melaksanakan Program *Microenterprise Digital Transformer Starter Pack*. Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai penggunaan ICT dan *Microsoft Business Premium365* di kalangan Usahawan Mikro secara inklusif, termasuk belia dan wanita di seluruh negara. Selain daripada itu, program ini juga bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan operasi harian perniagaan serta penjualan secara atas talian. Sejumlah 700 Usahawan Mikro telah mendapat manfaat dari program ini.

- (iii) Program *Business Accelerator* (BAP) dilaksanakan bagi memenuhi keperluan PKS dalam menggunakan teknologi Industri 4.0. Program ini menawarkan pembiayaan bagi pembelian lesen perisian, pembelian perisian dan peralatan automasi mesin serta robotik yang berkaitan. Insentif ini berbentuk geran bersamaan (*matching grant*) sebanyak 50% atau sehingga RM400,000. Di bawah skim ini, PKS juga boleh mendapat bantuan pinjaman mudah sehingga RM1 juta pada kadar faedah 4% dengan margin pembiayaan sehingga 90% dengan tempoh pembayaran sehingga 10 tahun.

- (iv) Kerjasama dengan *Penang Skills Development Centre* (PSDC) bagi memperkukuhkan *local system integrators* untuk mewujudkan ekosistem bagi menggalakkan penggunaan teknologi Industri 4.0 di kalangan PKS.

- (v) Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) sebagai salah satu program keusahawanan untuk belia yang berminat menceburi bidang perniagaan. TUBE melibatkan tiga (3) fasa pelaksanaan iaitu

NO. SOALAN: 320

latihan fizikal ala-ketenteraan, latihan asas menjalankan operasi perniagaan serta bimbingan dan pemantauan perniagaan melalui *Buddy System*. Program ini mampu mempersiapkan belia dengan ketahanan mental, fizikal dan pengetahuan asas perniagaan. Kerjasama dengan MDEC dilihat dapat meningkatkan kesedaran dan kemahiran perniagaan atas talian oleh *TUBErs* sedia ada dan baharu.

4. MED juga akan meneruskan kerjasama dengan MDEC bagi memastikan program e-Usahawan diteruskan dalam bentuk kursus yang dijalankan di Institusi Pendidikan dan Pusat Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) awam yang terpilih di seluruh negara. Sebanyak 790 pusat TVET daripada 20 agensi TVET dan IPT terbesar di negara telah mengambil bahagian dalam inisiatif ini seperti UUM, UiTM, UMK, UniKL, Kolej Universiti Poly-Tech MARA, Kolej Poly-Tech MARA, German Malaysian Institute (GMI), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Jabatan Pendidikan Politeknik, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Institut Kemahiran MARA (IKM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Kolej Profesional MARA dan Pusat GIATMARA.

5. Sehingga kini, sejumlah 270,168 belia dan usahawan kecil dan sederhana telah mengikuti latihan dan kursus e-Usahawan. Daripada jumlah ini, sebanyak 96,573 peserta mula melaporkan peningkatan jualan keseluruhan yang melebihi RM515 juta. Di bawah program ini, sebanyak 50.2% peserta adalah daripada kawasan bandar dan 49.7% adalah daripada kawasan luar bandar.

6. Selain itu, (MED) juga akan terlibat dalam *Malaysia Tech Week 2019* yang akan dianjurkan oleh MDEC dari 17 hingga 21 Jun 2019 yang bertujuan untuk mengetengahkan daya tarikan ekosistem pembangunan teknologi di Malaysia. MED akan bekerjasama dengan MDEC dalam melaksanakan program-program berimpak tinggi selain memperkenalkan usahawan dan SME tempatan yang berteknologi inovatif untuk mampu berdaya saing di peringkat global.

Sekian, terima kasih.